

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI MOHD ANUAR BIN MOHD TAHIR
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**MAJLIS PERASMIAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT
PANTAI SENTRAL
13 Disember 2018 (Khamis)**

[Salutation]

Yang Berbahagia Dato' Sri Zohari bin Akob
Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya;

Yang Berbahagia Dato' Sr Aziz Abdullah
Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia;

Yang Berbahagia Dato' Sri Ir. Dr. Roslan Md. Taha
Ketua Pengarah Kerja Raya;

Yang Berbahagia Dato' Soam Heng Choon
Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan IJM Corporation
Berhad;

Yang Berusaha Che Hasnadi Bin Che Hassan
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Amona;

Yang dihormati Pengarah-pengarah dan wakil-wakil dari setiap
Agensi Kerajaan;

Wakil-wakil dari setiap Syarikat Konsesi;

Pengamal-pengamal media;

Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan puan-puan,

Assalamualaikum w.b.t dan selamat tengahari,

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pengurusan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan IJM Corporation Berhad serta Amona Development Sdn. Bhd. di atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan Persimpangan Bertingkat Pantai Sentral di Lebuhraya New-Pantai Expressway (NPE) pada hari ini.

2. Pembukaan persimpangan bertingkat ini sudah pasti menjadi satu lagi kejayaan yang bersejarah buat Kementerian Kerja Raya (KKR) secara amnya dan LLM serta pihak IJM Corporation Berhad, Amona Development Sdn. Bhd. serta syarikat konsesi secara khususnya kerana ia menepati hasrat dan aspirasi Kerajaan dalam menyediakan infrastruktur kepada rakyat.

3. Syabas dan tahniah diucapkan kepada IJM Corporation Berhad dan Amona Development Sdn. Bhd. atas usaha membangunkan infrastruktur seperti ini di projek perbandaran moden dan bersepadu Pantai Sentral Park. Projek pembinaan Persimpangan Bertingkat Pantai Sentral ini merupakan satu

contoh inisiatif kerjasama antara pihak kerajaan dan juga syarikat pemaju perumahan dalam memberi kemudahan dan manfaat kepada penduduk di kawasan sekitar. Keseluruhan kos pembinaan projek ini adalah RM 94.36 juta yang ditanggung sepenuhnya oleh pemaju iaitu IJM Land Berhad dan juga Amona Development Sdn. Bhd. Dengan pembukaan Persimpangan Bertingkat Pantai Sentral ini, saya percaya kesesakan lalulintas akan dapat dikurangkan sekaligus memberi keselesaan kepada pengguna Lebuh raya NPE dan penduduk kawasan sekitar Lembah Pantai.

4. Pembukaan Persimpangan Bertingkat Pantai Sentral pada hari ini memberi faedah secara langsung kepada pengguna dari arah Pantai Dalam dan Kerinchi apabila boleh menikmati laluan terus ke Lebuh raya NPE tanpa perlu melalui persimpangan lampu isyarat di Jalan Bukit Angkasa, Jalan Kerinchi, Jalan Pantai Murni dan Jalan Pantai Permai 1. Pada kebiasaannya, perjalanan melalui kawasan tersebut akan mengambil masa lebih kurang 50 minit pada waktu puncak. Dengan infrastruktur baru ini, masa perjalanan akan dapat dikurangkan sehingga kira-kira 30 minit pada waktu puncak.

IMPAK INDUSTRI LEBUH RAYA

Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Seperti sedia maklum, adalah menjadi keutamaan Kerajaan untuk menyediakan infrastuktur asas yang moden, rangkaian jalan raya atau lebuhraya yang selamat, selesa serta mempunyai tahap perkhidmatan (*Level of Service* - LOS) yang baik. Pembinaan dan pembukaan rangkaian-rangkaian lebuhraya merupakan satu keperluan dan elemen penting untuk menggerakkan nadi pembangunan ekonomi dan infrastruktur negara.

KERJASAMA DENGAN PIHAK SWASTA

6. Dasar penswastaan lebuhraya bertol selama ini telah memberikan sokongan dan bantuan kepada Kerajaan dalam menyediakan infrastruktur asas dan menghasilkan jaringan kesalinghubungan berimpak tinggi, memberi sumbangan lebih kurang 30% daripada keperluan keseluruhan infrastruktur tersebut.

7. Penglibatan pihak swasta telah banyak membantu Kerajaan memodenkan lagi infrastruktur negara terutamanya melalui pembinaan lebuhraya seperti Lebuhraya Utara

Selatan, pusat-pusat perindustrian baru telah tumbuh di Senawang, Tanjung Malim, Nilai, Ayer Keroh, Gurun, Sungai Petani, Kulim, Juru, Rawang, Bangi dan lain-lain. Sehingga kini, terdapat 29 lebuhraya bertol dengan panjang jajaran keseluruhan 1,988km di Malaysia. Kesan pembinaan jaringan lebuhraya telah menyaksikan negara kita berjaya mengecapi pembangunan sepertimana yang kita lihat pada hari ini.

PENYELENGGARAAN ASET LEBUH RAYA DAN ASPEK KESELESAAN PENGGUNA

Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Saban hari, kita dapat melihat kualiti infrastruktur yang semakin merosot akibat daripada perubahan iklim yang tidak menentu serta peningkatan jumlah pengguna lebuhraya dan jalan raya pada setiap tahun. Untuk memastikan lebuhraya dan jalan raya berada dalam kondisi yang terbaik, ianya perlu diturap semula pada jangka masa 5 hingga ke 7 tahun. Bagi lebuhraya yang dikenakan kutipan tol dan tahap perkhidmatan yang terbaik, penyelenggaraan yang lebih kerap adalah diperlukan. Justeru, lebih banyak peruntukan yang diperlukan untuk penyelenggaraan bagi memastikan kemampuan dan kelestarian infrastruktur berkenaan.

9. Di kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada semua konsesi agar mengambil tindakan serius di dalam memastikan aspek penyelenggaraan lebuhraya agar berada dalam keadaan yang terbaik. Hak pengguna untuk menikmati lebuhraya yang selesa dan selamat tidak boleh dinafikan dengan mengurangkan atau meminimumkan tahap penyelenggaraan. Aspek penyelenggaraan ini sewajarnya dilaksanakan berdasarkan satu standard penyelenggaraan yang sama dan seragam tanpa sebarang kompromi.

10. Syarikat konsesi perlu memahami bahawa keperluan serta kehendak pengguna pada masa kini telah berubah berbanding 20 atau 30 tahun yang lalu. Pengguna jalanraya bukan sahaja mahu tiba ke destinasi dengan selamat dan cepat, tetapi mereka juga inginkan satu perjalanan yang dapat memberikan mereka pengalaman baru serta mempunyai nilai tambah. Pada masa kini, sesetengah '*Added Value Services*' bukan hanya boleh dianggap sebagai '*Nice to have*' kerana ia sudah menjadi perkara yang wajib disediakan.

WAY FORWARD DAN HARAPAN KEMENTERIAN

Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. Selari dengan aspirasi kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan rakyat dan pembangunan infrastruktur negara juga, Kementerian Kerja raya komited untuk meningkatkan mobiliti dan kesalinghubungan. Fokus Kementerian Kerja Raya pada masa ini sedang beralih kepada penggunaan teknologi-teknologi baru dalam industri pembinaan untuk memastikan kemampanan infrastruktur dan keselamatan para penggunanya. Kementerian juga akan mengoptimumkan penyelarasan dengan semua pihak termasuk kerajaan negeri bagi memastikan infrastruktur dan rangkaian jalan akan membuka potensi pembangunan bagi menghubungkan desa ke pekan, pekan ke bandar, bandar ke *international gateway* seperti pelabuhan, lapangan terbang, *inland port* di sempadan negara.

12. Walau bagaimanapun, pelbagai cabaran dan isu-isu semasa perlu dihadapi dan ditangani bagi memastikan aspirasi kerajaan dapat dilaksanakan. Cabaran semasa dalam memastikan penyediaan infrastruktur antara lain adalah menyiapkan projek dalam tempoh yang ditentukan,

memberikan keselesaan kepada pengguna ketika lebuhraya dan jalan raya dinaik taraf termasuk menentukan *Traffic Management Plan* (TMP) yang baik, rangkaian lebuhraya dan jalan raya yang mampan dan berupaya menangani iklim yang tidak menentu kebelakangan ini serta mudah digunakan dari segi mobiliti antara satu pengangkutan dengan mod pengangkutan yang lain.

13. Senario pada masa hadapan juga dipengaruhi oleh perkembangan revolusi perindustrian, cabaran seperti *hyper connectivity*, peningkatan penggunaan robot dan kaedah teknologi hijau juga perlu di ambil kira. Justeru, hal ini menyebabkan peningkatan kos yang besar melibatkan reka bentuk dan penyelenggaraan sekali gus menjadi beban bagi kementerian.

14. Kementerian Kerja Raya telah melancarkan fokus keutamaan baharu iaitu “*digitalising the construction industry*”. Hala tuju ini memfokus kepada pemeraksanaan teknologi pembinaan seperti *Industrilized Building System* (IBS) untuk meningkatkan produktiviti, *Building Information System* (BIM) dan *Highway Information Modelling* (HIM) untuk memendekkan proses pembinaan dan mengukuhkan sistem penyelenggaraan. Manakala bagi lebuhraya pula, teknologi seperti sistem *Weigh-in-Motions* (WIM) dan *Radio-frequency identification* (RFID)

digunakan sebagai sistem pemantauan kenderaan berat dan projek secara efisien. *Intelligent Transport System* (ITS) juga diperkasakan sebagai satu teknologi yang menjadi platform terbuka bagi penyediaan data dan maklumat pengguna jalan raya serta lebuhraya secara *real time*, tepat dan bersepadu.

15. Dari aspek pengoperasian lebuhraya dan jalanraya pula, penggunaan elemen Revolusi Industri 4.0 seperti aplikasi sistem pengurusan trafik, penggunaan *drone*, papan tanda elektronik, sistem pemantauan cerun, sistem pengurusan data, aplikasi navigasi pintar yang pelbagai, CCTV dan *global positioning system* (GPS) seharusnya membawa penambahbaikan yang memberi impak positif kepada pengguna dalam menangani kesesakan di lebuhraya.

16. Untuk itu, hebahan maklumat trafik terkini oleh pihak konsesi hendaklah cepat dan tepat. Pengguna perlu sentiasa dibekalkan dengan maklumat trafik terkini supaya mereka dapat merancang perjalanan dengan lebih efektif. Selain paparan maklumat secara fizikal di papantanda elektronik dan siaran radio, penggunaan aplikasi pintar hendaklah dioptimalkan agar maklumat atau notifikasi trafik dapat disalurkan kepada pengguna secara berterusan.

PENUTUP

Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan Puan-puan

17. Adalah menjadi harapan Kementerian Kerja Raya supaya inisiatif-inisiatif untuk mengukuhkan kerjasama di antara kerajaan dan pihak swasta yang menjadi tulang belakang dan nadi pembinaan infrastruktur Negara.

18. Saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada LLM, IJM Corporation Berhad serta Amona Development Sdn. Bhd. kerana berjaya merealisasikan pembukaan Persimpangan Bertingkat Pantai Sentral. Ini membuktikan kerjasama di antara pihak Kerajaan dan Swasta mampu memberi manfaat kepada rakyat dan seterusnya mendokong aspirasi Kerajaan Malaysia Baharu.

19. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Persimpangan Bertingkat Pantai Sentral di Lebuh raya NPE.

Sekian, terima kasih dan selamat maju jaya.